

HASiL/2026/04/24 - 24

TIGA DEKAD MEMACU TRANSFORMASI: RM203.991 BILION SEJARAH BAHARU HASIL

CYBERJAYA, 24 APRIL 2026 – Kutipan cukai langsung negara mencipta sejarah apabila mencecah **RM203.991 bilion pada tahun 2025**, sekali gus menjadi rekod tertinggi pernah dicapai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dan kali pertama melepasi paras RM200 bilion sejak diperbadankan pada 1996. Kejayaan ini diraikan sempena **Sambutan Hari HASiL Ke-30**, menandakan tiga dekad peranan berterusan HASiL sebagai institusi utama dalam memperkukuh sistem percukaian negara.

Menelusuri perjalanan tersebut, sambutan ini dianjurkan sebagai manifestasi penghargaan terhadap usaha berterusan dalam memodenkan sistem percukaian, memperkasa pendigitalan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Kekuatan kutipan cukai ini juga membolehkan kerajaan memperuntukkan tambahan RM11.4 bilion bagi menyelesaikan bayaran balik cukai tertunggak syarikat secara sistematik dan telus. HASiL kekal komited memperkukuh kesiapsiagaan dan inovasi dalam mendepani cabaran ekonomi global termasuk ekonomi digital dan AI bagi memastikan sistem percukaian negara terus mampan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri di Dewan Bangsawan, Menara Hasil Cyberjaya. Bagi memastikan capaian yang lebih meluas, acara ini turut disiarkan secara langsung menerusi platform YouTube HASiL_Malaysia dan TikTok HASiLMalaysia, sekali gus membolehkan warga kerja HASiL di seluruh negara serta orang ramai mengikuti sambutan ini secara maya.

Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YB Tuan Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kewangan; Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Anggota Lembaga; YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi Lembaga; YBhg. YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL; barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, pengurusan kanan HASiL serta tetamu jemputan.

Majlis ini turut diserikan dengan penyampaian **Anugerah Perdana HASiL 2025** kepada lima (5) warga kerja HASiL sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan profesionalisme, integriti serta nilai versatil yang ditunjukkan. Antara penerima anugerah adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Penerima	Sektor/ Jabatan/ Negeri/ Cawangan Khas
1.	Encik Muhammad Farid bin Jaafar	Jabatan Undang-Undang
2.	Encik Navinderpal Singh A/L Gurdip Singh	Sektor Modal Insan
3.	Puan Madehah binti Ahmad	HASiL Selangor
4.	Puan Parida binti Usman	Cawangan Pembayar Cukai Besar
5.	Encik Amzah bin Laamp	HASiL Sabah

Selain itu, majlis turut menampilkan penyampaian **Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2025** kepada sepuluh (10) syarikat korporat sebagai penghargaan terhadap tahap pematuhan cukai yang tinggi, berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan. Senarai penerima adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Industri
1.	HSBC Bank Malaysia Berhad	Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful
2.	Cagamas MBS Berhad	Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful
3.	TM Technology Services Sdn. Bhd.	Maklumat dan Komunikasi
4.	Perodua Engine Manufacturing Sdn. Bhd.	Pembuatan
5.	Tanjung Bin Power Sdn. Bhd. (SKS Power Sdn. Bhd.)	Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Hawa
6.	Honda Assembly (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pembuatan
7.	Celcom Networks Sdn. Bhd.	Maklumat dan Komunikasi
8.	Celestica Malaysia Sdn. Bhd.	Pembuatan
9.	Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	Koperasi
10.	Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad	Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful

Sambutan Hari HASiL Ke-30 ini mencerminkan komitmen berterusan HASiL dalam memperkukuh sistem percukaian negara yang cekap dan berdaya saing. Berteraskan inovasi, integriti dan pendigitalan, HASiL akan terus melangkah ke hadapan sebagai institusi yang berdaya tahan dan diyakini dalam menyokong kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan

- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 April 2026

LAMPIRAN



YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian sempena Sambutan Hari HASiL Ke-30 di Menara HASiL Cyberjaya hari ini. (Foto: BERNAMA)



YAB Timbalan Perdana Menteri menyampaikan Anugerah Pembayar Cukai Terbaik 2025 kepada pembayar cukai daripada kategori syarikat korporat yang mempamerkan prestasi pematuhan yang tinggi dalam tahun 2025.



YAB Timbalan Perdana Menteri bergambar kenang-kenangan bersama-sama dengan tetamu jemputan sempena Sambutan Hari HASiL Ke-30.